



NAMA : _____
 KELAS : _____

SMK DATO' ONN
BATU PAHAT, JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019

TINGKATAN 5

EKONOMI

3767/2

Kertas 2

Ogos

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nama dan kelas anda pada ruangan yang disediakan
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B
3. Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan Bahagian B
4. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini
5. Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan
6. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik
8. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah			

Penggubal soalan,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,



.....

Tarikh :

Tarikh :

Kertas peperiksaan ini mengandungi 17 halaman bercetak

BAHAGIAN A
[60 markah]
Jawab semua soalan di bahagian ini.

1 a) Jelaskan masalah asas ekonomi “Bagaimana hendak dikeluarkan”

[3 markah]

b) Mengapakah pengguna dianggap sebagai raja dalam sistem ekonomi pasaran bebas?

[5 markah]

c) Maklumat di bawah menunjukkan dua situasi yang berkaitan dengan permintaan.

Situasi I

Berlaku penguncupan atau pengembangan permintaan


Situasi II

Berlaku pengurangan atau pertambahan permintaan

Bezakan situasi I dengan situasi II.

[6 markah]


d) Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan barang X



Hitungkan keanjalan harga permintaan barang X dan jelaskan strategi yang boleh dilaksanakan oleh firma untuk memaksimumkan jumlah hasilnya.

[6 markah]

2 a) Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan dan keluk penawaran suatu barang.



Terangkan proses penentuan keseimbangan pasaran.

[6 markah]

b) Pendapatan boleh guna Encik Maman pada bulan Jun ialah RM2 300. Maklumat berikut menunjukkan perbelanjaan beliau dalam bulan tersebut.

Perbelanjaan	RM	
Sewa rumah	500	
Hiburan	100	
Sumbangan kepada ibubapa	300	
Kesihatan	200	
Tambang	300	
Bilelektrik, air dan telefon	300	
Makanan dan minuman	800	

i) Adakah anda bersetuju dengan perbelanjaan beliau?
Berikan alasan anda.

[2 markah]

ii) Sediakan satu penyata belanjawan peribadi yang sistematik untuk Encik Maman supaya beliau mempunyai tabungan sebanyak RM 150 pada bulan Julai

[4 markah]

c) Cik E Aimi memperoleh pembiayaan Bank Islam untuk membeli sebuah van baharu untuk kegunaan perniagaan. Beliau juga telah membuka sebuah kedai kain dengan pembiayaan Bank Islam sebanyak RM70 000.

Jelaskan prinsip perbankan Islam yang terlibat dalam situasi di atas.

[4 markah]

d) Maklumat berikut berkaitan dengan kaedah pembayaran yang digunakan oleh dua orang individu.

Encik Haziq membeli sebuah kereta dengan bayaran ansuran RM900 sebulan.

Cik Atikah membeli sebuah telefon bimbit berharga RM1 200 secara tunai.

Sebagai pengguna yang bijak, kaedah pembayaran manakah yang akan menjadi pilihan anda? Berikan alasan anda.

[illegible]

[6 markah]

3. a) Jadual 1 menunjukkan fungsi kos pengeluaran jangka pendek firma Ros Aina Family.

Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Marginal (RM)
0	0	-	-
1	10	10	10
2	40	20	30
3	80	26.7	40
4	150	37.5	70
5	200	40	50
6	200	33.3	0
7	170	24.3	-30

Jadual 1

Nyatakan hubungan antara jumlah kos, kos purata dan kos marginal pada keluaran yang berikut.

i) 0 hingga 4 unit

[3 markah]

ii) 5 hingga 7 unit

[3 markah]

b. Terangkan dua faktor yang mempengaruhi produktiviti Firma Ai Ai Ser.

i)

ii)

[4markah].

c) Bandingkan antara Belanjawan Lebihan dan Belanjawan kurangan

i) Persamaan

[2 markah]

ii) Perbezaan

[3 markah]

d. Mengapakah kenaikan kadar faedah memberi kesan yang besar kepada firma ?

[5 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab 2 soalansahaja

4. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dalam menjaga kebajikan rakyat.

3.2 Juta Permohonan Bantuan Sara Hidup (BSH)

KUALA LUMPUR 28 Mac 2019 – Sebanyak 3.2 juta permohonan Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019 diterima setakat semalam, membabitkan 530,000 permohonan baharu dan 2.67 juta permohonan yang dikemaskini. Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata BSH memanfaatkan lebih 4 juta isi rumah, membabitkan peruntukan RM5 bilion.

Sumber: <http://www.bharian.com.my>

- a) Apakah peranan kerajaan untuk menjaga kebajikan rakyat? [4 markah]
- b) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan pemberian Bantuan Sara Hidup (BSH) terhadap keseimbangan pasaran. [7 markah]

- c) Bagaimanakah pemberian Bantuan Sara Hidup (BSH) dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat? [9 markah]

5. Maklumat berikut menunjukkan satu projek yang akan dibina oleh sebuah firma.



Lebih 1,000 penduduk dalam Mukim Kota Setia membantah pembinaan sebuah kilang kelapa sawit berdekatan kawasan perumahan di Sungai Ranggam. Rata-rata penduduk yang ditemui mahu pihak berkuasa mengambil tindakan segera terhadap pemilik kilang berkenaan. Bantahan ini dibuat kerana bimbang pembinaan tersebut bakal menimbulkan pelbagai masalah ekoran terletak di tepi jambatan Sungai Ranggam yang menjadi laluan utama pengguna jalan raya dari Stiawan ke Teluk Intan, Sabak Bernam dan Bagan Datoh.

(Sumber: <http://https://www.utusan.com.my/berita/wilayah/penduduk-bantah-pembinaan-kilang-kelapa-sawit-di-sungai-ranggam-1.150156>)

- (a) Bagaimanakah masyarakat menanggung kos sosial dan faedah sosial kesan daripada pembinaan kilang kelapa sawit?

[4 markah]

- (b) Huraikan langkah-langkah kerajaan bagi menangani eksternaliti negatif tersebut.

[7 markah]

- (c) Jelaskan peranan individu bagi mengatasi masalah di 5(a). [9 markah]

6. Maklumat berikut berkaitan dengan faktor keanjalan harga permintaan bagi dua jenis barang.

Penurunan harga barangan elektronik yang sedikit menunjukkan peningkatan kuantiti yang banyak di dalam pasaran. Sebaliknya, penurunan harga sayur-sayuran pula menyebabkan perubahan kuantiti diminta adalah kecil.

- a) Sebagai seorang pengeluar yang bijak, bagaimana caranya pengeluar dapat meningkatkan jumlah hasilnya? [4 markah]

- b) Dengan menggunakan rajah yang sesuai, huraikan kepentingan keanjalan harga kepada kerajaan dari sudut percukaian.

[7 markah]

- c) Tindakan kerajaan tidak mengenakan cukai jualan dan perkhidmatan terhadap sayur-sayuran menguntungkan pihak pengguna.

Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas? Kemukakan alasan anda.

[9 markah]

7. Petikan dibawah berkaitan dengan pelaburan langsung asing.

91 500 Peluang Pekerjaan Wujud Akibat Pelaburan RM113.5 billion

PUTRAJAYA: Jumlah pelaburan dalam sektor utama , pengeluaran dan perkhidmatan bagi tempoh Januari hingga September pada tahun ini yang bernilai RM113.5 billion dijangka menyebabkan wujudnya 91 500 peluang pekerjaan.

*Dipetik dan diubahsuai dripada :
Berita harian online 15 Disember 2017*

- a) Jelaskan dua faktor yang menggalakkan proses globalisasi.

[4markah]
- b) Pelaburan langsung asing (FDI) dapat mewujudkan peluang pekerjaan di Malaysia.

Bincangkan [7 markah]
- c) Perjanjian perdagangan dan blok ekonomi memberi kesan positif kepada industri tempatan.

Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut.

Kemukakan alasan anda.

[9 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

RUANG JAWAPAN BAGI SOALAN BAHAGIAN B

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[illegible]

[illegible]

